

Headline	MoU tingkat pembangunan landskap Kuala Lumpur		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	L-31	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	263 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,198
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,594



MoU tingkat pembangunan landskap Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR 28 Mac - Dalam usaha meningkatkan keberkesanan pembangunan landskap di Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi memberi nilai tambah kepada taman-taman awam di ibu kota.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, objektif perjanjian itu antara lain meningkatkan pengurusan dan penyelenggaraan taman botanikal, taman koleksi khas dan taman rekreasi awam.

"Selain itu, pengurusan pokok rendang serta pengurusan landskap akan turut ditingkatkan.

"Perjanjian ini juga merupakan salah satu usaha di bawah Greater KL

dalam menghijaukan Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis menandatangani MoU antara DBKL dengan FRIM di sini hari ini.

Pada majlis tersebut, beliau mewakili DBKL dan FRIM diwakili Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod.

Jelas Ahmad Phesal, perjanjian tersebut merangkumi dua skop utama iaitu pengurusan taman dan pengurusan hutan bandar.

"Pengurusan taman merangkumi tiga kategori iaitu Taman Botanikal (Taman Botani Perdana), Taman Koleksi Khas (Taman Dusun Khas dan Taman Rimba Bukit Kerinchi) serta Taman Rekreasi Awam (Taman Tasik Titiwangsa, Taman

Metropolitan) dan lain-lain.

"Manakala, bagi pengurusan hutan bandar, merangkumi dua kategori iaitu pengurusan pokok rendang dan pengurusan landskap bandar," ujarnya.

Dalam pada itu, Abd. Latif berkata, pihaknya akan membantu DBKL dalam memperkayakan lagi jenis pokok terutama pokok hutan yang sesuai untuk ditanam di kawasan terpilih.

"FRIM juga akan mengatasi masalah pokok kurang subur dari aspek perawatan tanah.

"Kita akan gunakan kepakaran untuk membaik pulih tanah di kawasan taman bermasalah agar usaha menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya hijau dapat dicapai seterusnya mampu menjadi ikon kepada negara lain," ujarnya.



AHMAD Phesal Talib (kiri) dan Dr. Abdul Latif Mohmod bertukar-tukar dokumen selepas menandatangani MoU antara DBKL dan FRIM di Kuala Lumpur, semalam.
- UTUSAN/ZHAFRI SUHARDI